

## KHUTBAH JUMAAT

### “RAMADAN BULAN AL-QURAN” (14 Mac 2025M/ 13 Ramadan 1446H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ لِيصِيَامِ رَمَضَانَ أَجْرًا كَرِيمًا، وَأَنْزَلَ فِيهِ الْقُرْآنَ كِتَابًا عَظِيمًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، كَانَ بِالْمُؤْمِنِينَ رُؤُوفًا رَحِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Hindarkan diri daripada melakukan perbuatan yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual, menggunakan telefon dan sebagainya. Bersempena dengan sambutan Nuzul al-Quran pada 17 Ramadan yang akan datang, maka pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Ramadan Bulan al-Quran**”.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Al-Quran mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan Ramadan. Hal ini tergambar melalui firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Qadr, ayat 1:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ (١)

**Maksudnya:** *Sesungguhnya, Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar.*

Imam Ibnu Katsir *rahimahullah* menjelaskan dalam kitabnya *Tafsir al-Quran al-Azim* bahawa al-Quran diturunkan pada malam al-Qadar. Malam al-Qadar itu berlaku pada bulan Ramadan. Beliau kemudiannya menukikan daripada Abdullah bin Abbas *radiallahu anhuma* bahawa Allah *subhanahu wata'ala* telah menurunkan al-Quran secara sekaligus daripada Lauh al-Mahfuz ke Bait al-Izzah di langit dunia. Kemudian turun secara beransur-ansur ke atas Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sesuai dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku selama 23 tahun. Dalam kitab *Lato'if al-Ma'arif*, Ibnu Rajab al-Hanbali *rahimahullah* menukikan daripada Ubaid bin Umair *rahimahullah* bahawa bermula penurunan al-Quran ke atas Nabi *sallallahu alaihi wasallam* adalah pada bulan Ramadan.

Hubungan yang istimewa antara al-Quran dengan Ramadan juga dijelaskan melalui hadis daripada Abdullah bin Abbas *radiallahu anhuma* yang berbunyi:

(( كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ وَكَانَ أَجْوَدَ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ وَكَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ ))

**Maksudnya:** *Rasulullah sallallahu alaihi wasallam adalah orang yang paling pemurah. Baginda lebih pemurah lagi pada bulan Ramadan ketika Jibril menemuinya. Dan Jibril menemuinya pada setiap malam bulan Ramadan untuk bertadarus al-Qur`an dengannya. Baginda sallallahu alaihi wasallam pada ketika itu lebih pemurah dalam memberi kebaikan berbanding dengan angin yang berhembus.*

*(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)*

Imam Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah* ketika mengulas berkaitan hadis ini dalam kitabnya *Fath al-Bari* menyatakan bahawa pada hadis tadi ada galakan untuk menziarahi orang yang soleh dan orang yang suka melakukan kebaikan, malah dilakukan dengan kerap jika tidak mengganggu mereka, memperbanyakkan bacaan al-Quran dalam Ramadan dan ia adalah amalan yang paling utama berbanding dengan segala zikir dari segi jika zikir itu lebih utama atau menyamai keutamaannya, sudah tentu akan dilakukan oleh Nabi *sallallahu alaihi wasallam* dan Jibril *alaihissalam*.

Pada masa yang sama, kita sentiasa diingatkan bahawa al-Quran merupakan satu petunjuk, pengajaran dan kasih sayang Allah

*subhanahu wata'ala* buat mereka yang beriman. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Yunus, ayat 57:

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ  
وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ (٥٧)

**Maksudnya:** *Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang yang beriman.*

Ayat ini menunjukkan kepada kita bahawa terdapat pelbagai kelebihan al-Quran. al-Quran bukan sahaja panduan kehidupan insan, malah penawar bagi segala penyakit di dalam hati seperti keraguan, keresahan, hasad dengki dan takabbur. Menerusi pembacaan dan penghayatan al-Quran, hati kita akan menjadi bersih dan kembali bersinar. Kerana hati itu apabila dikotori dengan dosa dan kesilapan, maka ia memerlukan kepada usaha untuk menyucikan ia semula. Maka perbanyakkanlah bacaan al-Quran dalam bulan ini agar hati kita sentiasa dalam keadaan tenang, suci dan murni.

Selain itu, al-Quran juga tidak hanya membawa kebaikan serta manfaat kepada kita di dunia ini, bahkan juga di akhirat kelak. Di akhirat, al-Quran akan menjadi syafaat bagi mereka yang sentiasa membacanya. Daripada Abu Umamah al-Bahili *radiallahu anhu*

bahawa beliau telah mendengar Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( اِقْرءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ ... ))

**Maksudnya:** *Bacalah al-Quran, kerana sesungguhnya al-Quran akan datang pada Hari Kiamat sebagai pemberi syafaat bagi para pembacanya.*

*(Hadis riwayat Imam Muslim)*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sebagai seorang Mukmin, adalah sangat penting bagi kita untuk berusaha mendekatkan diri kepada al-Quran. Bukan sekadar membacanya, malah menghayati dan juga mengamalkan isi kandungannya. Inilah contoh teladan yang dipaparkan oleh Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* kepada umatnya. Apabila Aisyah *radiallahu anha* ditanya berkenaan akhlak Baginda *sallallahu alaihi wasallam*, maka beliau menjelaskan bahawa akhlak Nabi *sallallahu alaihi wasallam* adalah al-Quran.

Sesungguhnya, segala tingkah laku, percakapan mahupun amalan Baginda *sallallahu alaihi wasallam*, semuanya berdasarkan al-Quran. Ini seharusnya merupakan pekerti setiap individu Mukmin. Bahkan seharusnya kita memiliki hubungan yang dekat dengan alQuran.

Maka marilah kita memulakan langkah-langkah kecil untuk membina hubungan dengan kitab suci al-Quran. Bagi yang belum pandai membaca, tanamkan tekad untuk mula belajar membacanya. Yang

sudah pandai membaca, berusaha untuk menghayati dan memahami isi kandungan al-Quran kerana kitab ini memberikan panduan serta pedoman bagi diri kita dalam mengharungi segala rintangan kehidupan yang mendatang. Padanya terkandung peringatan buat diri kita.

Dalam usaha kita untuk membaca dan menghayati al-Quran, mahupun mana-mana teks agama, memerlukan kepada guru yang memberi panduan. Guru yang dipercayai dan bertauliah. Sebabnya, memahami al-Quran secara tekstual sahaja, tanpa bimbingan seorang guru yang alim dalam ilmu al-Quran, boleh mengakibatkan seseorang individu itu terkeliru, lalu mengakibatkan salah faham berkaitan maksudnya. Selain itu, kegagalan seseorang menghubungkan al-Quran ataupun teks-teks agama dengan kehidupan semasa akan membuatnya rasa janggal dan was-was pada setiap penyesuaian yang dilakukan.

Justeru, penting bagi kita untuk memahami teks agama dengan cara yang benar dan tepat, iaitu dengan merujuk kepada mereka yang ahli dengannya.

### **Kaum muslimin yang berbahagia,**

Pada bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan ini, marilah kita menanamkan niat untuk berusaha memahami serta menghayati al-Quran. Marilah juga kita manfaatkan peluang pada bulan ini sebaiknya dengan kita beribadah bersama keluarga, antaranya berjemaah melaksanakan solat terawih, membaca al-Quran dan melaksanakan amalan ibadah yang lain.

Tingkatkan semangat untuk terus mempelajari dan mendalami al-Quran dan ilmu agama. Mudah-mudahan kita terus diberikan kemudahan oleh Allah *subhanahu warta'ala* untuk membaca dan memahami al-Quran dengan baik, dan mampu membawa diri kita dan masyarakat ke arah kebaikan di dunia dan juga di akhirat. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari Jumaat yang mulia ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan:

**Pertama:** Al-Quran mempunyai hubungan yang rapat dengan Ramadan kerana penurunannya secara sekaligus dari Lauh Mahfuz ke langit dunia, dan seterusnya secara beransur-ansur kepada Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* berlaku pada bulan Ramadan.

**Kedua:** Umat Islam hendaklah berusaha untuk mempelajari dan memperbanyakkan bacaan al-Quran terutamanya pada bulan Ramadan.

**Ketiga:** Umat Islam hendaklah berusaha memahami dan menghayati al-Quran dengan merujuk kepada mereka yang ahli dengannya.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah ad-Dukhan, ayat 3:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبَارَكَةٍ ۚ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ (٣)

**Maksudnya:** *Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran itu pada malam yang berkat; (Kami berbuat demikian) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Bersempena dengan Ramadan ini, marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu dan solat sunat tarawih serta witr secara berjemaah. Pada masa yang sama, pastikan juadah berbuka kita dan rezeki yang kita peroleh adalah daripada sumber yang halal lagi baik. Suburkanlah rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat. Perkuatkanlah perpaduan ummah demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ

يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرِ اللَّهِ  
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.